

02 AUG 2001

Mahathir-Meritokrasi

MERITOKRASI DILAKSANA BERPERINGKAT-PERINGKAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata meritokrasi akan dilaksanakan di negara ini secara berperingkat-peringkat dan cadangan menggunakannya bagi kemasukan pelajar ke universiti awam adalah langkah pertama.

Katanya pelaksanaan sistem itu akan dibuat mengikut sukatan yang sesuai kerana ia merupakan langkah pembetulan.

"Saya dilatih sebagai doktor perubatan, dan walaupun saya tahu ubat-ubat untuk penyakit, tapi kalau ubat terlalu banyak, ia akan menjejaskan pesakit. Jadi kalau nak beri ubat, dosnya mesti kena," katanya pada sesi dialog pada majlis diskusi "Toleransi - Model Malaysia" Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini.

Dr Mahathir menggunakan analogi doktor dan penyakit itu ketika menjawab soalan seorang peserta sama ada cadangan meritokrasi untuk kemasukan pelajar ke universiti awam akan diperluaskan kepada perkhidmatan awam seperti pelantikan pegawai bukan bumiputera ke jawatan Naib Canselor di IPTA dan suatu hari nanti jawatan Ketua Setiausaha Negara.

Beliau menjelaskan pendekatan secara bertahap-tahap perlu digunakan kerana tidak semua orang dapat menerima jika kerajaan terus melaksanakan meritokrasi secara menyeluruh di negara ini.

"Nak telan ubat dengan banyak, saya ingat bukan semua orang dapat terima. Sedikit sebanyak kita mesti betulkan.

"Kita mula setapak, jika kita berjaya, insya-Allah kita akan teruskan tetapi kita harus ingat bahawa kadang-kadang ubat itu tidak begitu disukai oleh pesakit walaupun ia boleh menyembuhkan pesakit," kata Dr Mahathir.

Menjawab soalan mengenai perkara sama oleh peserta lain, Perdana Menteri berkata meritokrasi yang dicadang untuk diperkenalkan itu belum dijelaskan oleh kerajaan tetapi membayangkan bahawa ia akan menggunakan kelulusan yang lebih baik sebagai syarat kemasukan ke universiti.

Katanya perkara itu akan dihuraikan secara lanjut kemudian.

Dr Mahathir berkata, asas meritokrasi bagi kemasukan pelajar ke universiti awam adalah bertujuan untuk mengingatkan para pelajar Melayu bahawa jika mereka tidak berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran, mereka tidak ada tempat di universiti.

Katanya kerajaan berniat untuk membantu bumiputera dalam bidang pelajaran kerana latar belakang mereka yang tidak begitu baik suatu masa dahulu tetapi sekarang ia sudah lebih baik.

Kemudahan sekolah, perkhidmatan kesihatan dan persamaan kehidupan telah meliputi semua kaum dan pelajar Melayu kini perlu berusaha gigih dalam pelajaran untuk bersaing dan masuk ke universiti, katanya.

"Kita tahu tabiat manusia, kalau terlalu disayangi, dia jadi gayat, tak tahu bawa diri. Anak yang terlalu disayangi kalau dibiarkan akan menjadi rosak," katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS NMO